



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM BICARA NEGARAWAN : PLATFORM DIDIK GENERASI MUDA MENGENAI SUMBANGAN TUN DR. ISMAIL DALAM PEMBANGUNAN NEGARA**

---

**KUALA LUMPUR:** 8 November 2023 – Dalam usaha untuk menyebarkan maklumat sejarah kepada masyarakat mengenai ketokohan negarawan disegani, Tun. Dr. Ismail, Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Program Bicara Negarawan : Tun Dr. Ismail di Memorial Tun Hussein Onn, hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Dengan tema Negarawan Berintegriti, diadakan bagi **mendidik generasi muda mengenai sumbangan Tun. Dr. Ismail dalam pembangunan negara dan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum.** Tun Dr. Ismail dalam amanat terakhir beliau menyifatkan belia sebagai *force* atau tenaga yang kuat dalam pembinaan sesebuah negara maju.

Tun Dr. Ismail disifatkan sebagai tokoh sebenar yang berhemah tinggi, berintegriti, tegas, ikhlas dan sedia untuk menyumbang tenaga dan khidmat bakti demi negara yang berbilang bangsa. **Ketegasan dan integriti beliau dalam memimpin negara wajar dicontohi oleh masyarakat khususnya generasi muda bagi melahirkan masyarakat MADANI yang bersatu-padu dan saling menghormati tidak kira bangsa, agama dan budaya.**

Rukun Negara merupakan antara legasi Tun Dr. Ismail kepada rakyat Malaysia bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi dan mewujudkan keharmonian antara kaum. Kementerian Perpaduan Negara telah **melipatgandakan usaha dan inisiatif penghayatan Rukun Negara melalui Eksplorasi Rukun Negara dengan pelaksanaan Dialog Anak Muda, Ekspresi Rukun Negara, Muzikal Eksplorasi Rukun Negara, Hero Impian Untuk Malaysia, Pameran Mini Rukun Negara, Kisah Kejayaan Malaysia Kita**

**Kapsul Saudara Anak Malaysia dan Debat Perpaduan. Pada tahun 2024, inisiatif ini akan disebarluaskan dan diberi tumpuan khusus di kawasan bandar.**

Program bicara negarawan ini mengetengahkan topik berkaitan Tun Dr. Ismail Negarawan Berintegriti yang akan disampaikan oleh panel-panel pembicara yang berpengalaman iaitu YBhg. Prof. Madya Dr. Khairul Azman bin Mohd Suhaimy, penulis buku “Tun Dr Ismail Merintis Kepimpinan Berintegriti” dan YBrs. Cik Kamariah Shakirin Mustafa, cucu kepada Allahyarham Tun Dr. Ismail. Topik ini menerangkan ketokohan Tun Dr. Ismail sebagai **seorang pemimpin yang tegas, berprinsip dan berintegriti dalam memacu pembangunan negara dan memastikan keharmonian negara. terus terpelihara.**

Program hari ini juga secara tidak langsung dapat mempromosikan Memorial Negarawan yang mempunyai pelbagai pameran sejarah kehidupan tokoh-tokoh negarawan berbilang bangsa dan kaum yang telah banyak menyumbang jasa dan bakti kepada negara seperti Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Temenggung Jugah, Tun Ahmad Fuad Stephens dan lain-lain. Memorial Negarawan ini bukan sahaja memperagakan artifak-artifak koleksi peribadi dan surat-menyurat tokoh-tokoh negarawan yang dapat menarik perhatian pengunjung, malah dapat memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti kuiz negarawan, demonstrasi awet dan jilid, eksplorasi enegarawan #klikdijari dan sebagainya.

Penganjuran program seumpama ini selaras dengan peranan Arkib Negara Malaysia dalam **usaha menyampaikan maklumat sejarah yang disimpan sebagai khazanah warisan negara serta mendekatkan masyarakat dengan tokoh-tokoh negarawan** untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara.

**Kementerian Perpaduan Negara**  
8 November 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)